



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**Amanah Dijaga, Izzah Ummah Terpelihara**

**Tarikh Dibaca:**

**6 Zulkaedah 1447H/  
24 April 2026M**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



## Amanah Dijaga, Izzah Ummah Terpelihara 6 Zulkaedah 1447H/ 24 April 2026M

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا

بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾ النساء [58]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

### Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Khatib mengingatkan diri sendiri dan sidang jemaah sekalian agar terus meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang bertakwa bukan sahaja memperelok ibadahnya, bahkan memelihara amanah, berlaku jujur dan membina kehidupan berteraskan petunjuk Allah.

Pada hari yang mulia ini, mimbar ingin mengupas satu tajuk yang sangat dekat dengan cabaran semasa, iaitu “**Amanah Dijaga, Izzah Ummah Terpelihara.**”

## **Sidang Jemaah yang dimuliakan Allah,**

Umat tidak kehilangan kemuliaan kerana kurang kekuatan. Tetapi umat kehilangan izzah apabila amanah dikhianati. Kerana kemuliaan sesuatu bangsa tidak dibina dengan kuasa semata-mata. Tidak dengan kekayaan sahaja. Bahkan tidak juga dengan kemajuan teknologi yang dicipta. Tetapi dibina dengan ilmu yang benar, amanah yang dipelihara, dan iman yang hidup dalam jiwa.

Firman Allah SWT dalam Surah Annisa ayat 58 yang dibacakan khatib di awal tadi bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”*

Tidak cukup dengan ayat itu sahaja, pada ayat yang lain, Allah SWT turut memberikan penekanan tentang ilmu di dalam al-Quran. Wahyu pertama yang turun adalah:

﴿ اِقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴾

Maksudnya: *“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan”*. Perintah Iqra’ ini bukan hanya membina budaya membaca, tetapi membina manusia yang sedar tanggungjawab.

Kerana ilmu dalam Islam bukan maklumat semata. Ilmu yang benar melahirkan rasa kehambaan. Ilmu yang benar menumbuhkan takut kepada Allah. Dan daripada takut itulah lahir amanah. Firman Allah SWT:

يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya: *“Sesungguhnya yang benar-benar takut kepada Allah ialah mereka yang berilmu”*.

## **Sidang Jemaah dirahmati Allah,**

Di sinilah hubungan ilmu dengan amanah.

Orang berilmu tahu halal dan haram. Maka dia takut berkhianat. Orang berilmu sedar setiap tanggungjawab akan dihisab. Maka dia menjaga amanah. Orang berilmu faham nilai berkat. Maka dia tidak menjual maruah dengan habuan. Kerana itu mimbar ingin menegaskan, **ilmu tanpa iman boleh menjadi racun dan kelebihan tanpa amanah boleh menjadi musibah.**

Hari ini manusia boleh memiliki kepakaran tinggi, jawatan besar, teknologi canggih, maklumat melimpah, namun tanpa amanah, kelebihan itu boleh meruntuhkan masyarakat.

## **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Kebimbangan terhadap pecah amanah hari ini bukan perkara kecil. Ia berlaku pada banyak peringkat. Di rumah, amanah sebagai ibu bapa diabaikan. anak-anak dibesarkan tanpa bimbingan, akhirnya keluarga retak kerana tanggungjawab diabaikan.

Di tempat kerja, masa kerja disia-siakan, tugas dilengah, jawatan dimanfaatkan untuk kepentingan diri, bahkan kadang-kadang integriti diperdagangkan. Itu semua pengkhianatan amanah.

Dalam institusi dan organisasi, apabila ketelusan diabaikan, apabila harta awam disalah guna, apabila amanah rakyat dikhianati, di situlah bermula keruntuhan.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ

Maksudnya: “*Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul serta mengkhianati amanah-amanah kamu*”.

Ayat ini tegas kerana khianat amanah bukan sekadar isu pentadbiran. Ia adalah isu iman.

## Sidang Jemaah dirahmati Allah,

Hari ini dunia berdepan krisis kepercayaan. Masyarakat gusar melihat salah guna kuasa. Rakyat bimbang apabila integriti dipersoalkan. Krisis tenaga global yang berantainya, kepercayaan terhadap institusi diuji, maka dalam keadaan ini, mimbar menyeru supaya kita kembali kepada asas pemulihan ummah iaitu **ilmu, amanah dan izzah**. Kerana amanah yang dipelihara membawa keberkatan. Dan keberkatan melahirkan izzah atau kemuliaan.

Firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: “Kemuliaan itu milik Allah, Rasul-Nya dan orang beriman”. Izzah tidak lahir dari slogan. Ia lahir bila umat menjaga amanah berintegriti jujur dan apabila ilmu melahirkan taqwa.

## Sidang jemaah sekalian,

Kajian menunjukkan **88.6 peratus rakyat Malaysia membaca** dengan purata **24 bahan setahun**. Ini asas yang baik. Tidak cukup sekadar itu, negara juga mempunyai puluhan ribu judul penerbitan dan ekonomi ilmu yang besar. Namun semua ini hanya membawa makna jika ilmu melahirkan amanah. Dan amanahlah yang akan membawa izzah.

Maka sebab itu marilah hidupkan budaya ilmu dalam keluarga di pejabat, dalam institusi dan dalam negara. Kerana umat berilmu dan beramanah sahajalah yang mampu kembali bermaruah. Sempena penganjuran KOTA BACA 2026 di Dataran Merdeka bersempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia pada 23 hingga 26 April 2026, marilah kita menyambut gerakan membaca ini bukan sekadar sebagai satu acara, tetapi sebagai usaha menghidupkan kembali budaya ilmu dalam masyarakat.

Hadirlah bersama keluarga, bawalah anak-anak, dekatilah buku, sokonglah industri ilmu negara, dan hidupkan semula tradisi membaca dalam rumah tangga serta masyarakat. Mudah-mudahan daripada helaian-helaian yang dibaca, lahir generasi yang beriman, berilmu, beradab, dan mampu memimpin Malaysia sebagai bangsa yang bermaruah di sisi dunia dan diberkati oleh Allah SWT. Membaca ialah tuntutan wahyu, benteng daripada

kejahilan, pemangkin ekonomi ilmu, dan asas pembinaan masyarakat MADANI.

**Sebagai iktibar khutbah hari ini:**

**Pertama:** Ilmu yang benar melahirkan khasyah dan daripada khasyah lahir amanah.

**Kedua:** Pengkhianatan amanah di rumah, pejabat dan institusi menghakis kekuatan ummah.

**Ketiga:** Memelihara amanah ialah jalan menuju izzah dan kemuliaan umat.

Marilah kita kembali membina masyarakat berilmu, berintegriti dan bermaruah serta mendoakan Allah menjaga keluarga, masyarakat dan negara yang kita cintai.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ  
وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿١١٠﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي  
فَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ اَكُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي فَدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، رَاغْ زَارِيثُ  
صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقَضَاتِهِ وَعَمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْأِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

\* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعْظَمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.